



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**28 April 2021**  
**16 Ramadhan 1442**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• “Kalau jatuh daripada bot,mesti aku lemas”</li></ul>
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU				12	28/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL					

## 'Kalau jatuh daripada bot, mesti aku lemas'



**GERAKAN** mencari dan menyelamat mangsa bot karam diteruskan Maritim Malaysia Kelantan di perairan Kuala Besar, Kota Bharu, Kelantan. - IHSAN MARITIM MALAYSIA

**KOTABHARU:** Mangsa bot karam yang masih hilang, Zulshahmin Danial Zulazman, 26, pernah berseloroh dengan seorang rakan mengatakan 'dia pasti lemas jika terjatuh daripada bot kerana tidak pandai berenang'.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, rakannya itu, **Mohd. Ab. Haq Mohd. Azmi**, 33, memberitahu, Zulshahmin bergurau demikian ketika mereka menaiki bot fiber milik bapa saudaranya kira-kira sebulan lalu.

"Saya tidak anggap gurauan itu sebagai satu perkara yang serius sehinggalah dia (Zulshahmin) hilang dipercayai lemas dalam kejadian bot karam ketika keluar mencandat sotong di laut, malam Jumaat lalu.

"Kami memang rapat kerana Zulshahmin seorang yang mu-

dah mesra, peramah dan suka bergurau. Saya terkejut mengetahui kejadian menimpanya dan berharap dia ditemukan secepat mungkin," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu akhbar ini melaporkan dua daripada tiga mangsa yang terlibat dalam kejadian bot karam dibadai ribut ketika mencandat sotong di perairan Kuala Besar di sini ditemukan selamat selepas hampir 19 jam terapung di lautan.

Mat Awang@Jali, 54, dan Mat Harun Mohd. Nor, 55, ditemukan berpaut pada kotak fiber kira-kira pukul 3 petang kelmarin tidak jauh daripada lokasi bot mereka karam manakala Zulshahmin masih belum ditemukan.

Sementara itu, ibu Zulshah-

min, **Suzi Mustapa** berkata, dia dan keluarga tidak putus-putus berdoa termasuk membuat solat hajat memohon pertolongan Allah SWT supaya anaknya itu ditemukan secepat mungkin.

"Saya reda dan bersedia terima sebarang kemungkinan. Walau apa jua keadaan sekali pun, biarlah kami dapat melihat jasadnya," katanya.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Abdul Rahim Daud dalam pada itu berkata, misi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa yang masuk hari ketiga belum menemukan sebarang petunjuk baharu.

"Setakat ini kita belum terima apa-apa petunjuk dan usaha mencari mangsa melibatkan pelbagai agensi masih diteruskan," katanya.